



BAHAGIAN AKIDAH
TAJUK 8 : BERIMAN KEPADA RASUL
UNIT 1 : KETAATAN KEPADA RASUL

1 (a) Garis jawapan yang betul di dalam kurungan.

- (i) Muslim yang tidak mempercayai seorang daripada 25 orang rasul akan (batal / kurang) imannya.
- (ii) Diperintah menyampaikan risalah kepada umatnya merupakan (persamaan / perbezaan) antara nabi dengan rasul.
- (iii) Seorang bapa yang pengasih merupakan bukti Rasulullah SAW sebagai pemimpin dalam (masyarakat / rumahtangga)

(3 markah)

(b) Pilih istilah yang betul bagi pernyataan di bawah.

Nabi	Wahyu	Rasul	Suhuf	Kitab
------	-------	-------	-------	-------

- (i) Lelaki yang dipilih oleh Allah SWT yang dikurniakan wahyu kepadanya untuk amalan dirinya sendiri dan diperintah menyampaikan risalah kepada umatnya.
Jawapan :
- (ii) Bilangannya ramai dan tidak dapat dipastikan jumlahnya.
Jawapan :
- (iii) Perintah atau kata-kata Allah (كلام الله) SWT yang disampaikan kepada para rasul-Nya.
Jawapan :
- (iv) Wahyu Allah yang disampaikan kepada para rasul untuk diajarkan kepada manusia sebagai petunjuk dan pedoman hidupnya.
Jawapan :

(4 markah)

(c) Senaraikan **tiga** tugas rasul.

- 1.
- 2.
- 3.

(3 markah)



(d) Manusia mempunyai akal untuk membezakan antara baik dengan jahat, namun mengapakah manusia memerlukan bimbingan rasul?

.....

.....

(2 markah)



UNIT 2 : RASUL-RASUL YANG WAJIB DIKETAHUI

1 (a) Garis jawapan yang betul di dalam kurungan.

- (i) Nabi (Ibrahim a.s / Ismail a.s) merupakan seorang daripada rasul-rasul ululazmi.
- (ii) Nabi (Yahya a.s / Yaakub a.s) merupakan putera kepada nabi Ishak a.s.
- (iii) Nabi (Ayub a.s / Isa a.s) menempuh ujian Allah dengan menderita penyakit kulit.

(3 markah)

(b) Pilih istilah dan rasul Ulul Azmi yang betul bagi pernyataan di bawah.

Maksum	Nabi Musa	Ulul Azmi	Nabi Ibrahim	Nabi Nuh
--------	-----------	-----------	--------------	----------

- (i) Rasul yang cekal hati, kuat keazaman dan amat sabar ketika menempuh pelbagai rintangan serta kesusahan dalam menegakkan agama Allah SWT.
Jawapan :
- (ii) Diuji oleh Allah SWT dengan perintah menyembelih putera kesayangannya Nabi Ismail.
Jawapan :
- (iii) Menyeru Firaun beriman walaupun menyedari risiko dibunuh.
Jawapan :
- (iv) Sabar menyeru kaumnya agar beriman selama 950 tahun.
Jawapan :

(4 markah)

(c) (i) Jelaskan **dua** sebab umat Islam wajib mempercayai semua rasul.

- 1.
- 2.

(4 markah)

(ii) Jelaskan **dua** usaha yang perlu dilakukan untuk mencontohi para rasul.

- 1.
- 2.



.....
(4 markah)

(d) (i) Nyatakan **dua** rasul Ulul Azmi selain Nabi Muhammad SAW.

1.
2.

(2 markah)

(ii) Senaraikan **tiga** ciri rasul Ulul Azmi.

1.
2.
3.

(3 markah)

Rasulullah SAW adalah rasul Ulul Azmi. Baginda sabar menghadapi pelbagai ujian dan cubaan seperti ancaman bunuh, leher baginda dijerut dengan serban dan dilontar dengan batu semasa berdakwah.

(iii) Berdasarkan pernyataan di atas, bagaimanakah anda boleh mengambil iktibar daripada kesabaran Rasulullah SAW dalam perjuangan menuntut ilmu?

-
.....
.....
.....
.....
.....

(4 markah)



UNIT 3 : SIFAT-SIFAT RASUL

1 (a) Garis jawapan yang betul di dalam kurungan.

- (i) Bersifat baladah merupakan sifat (mustahil / wajib) bagi rasul.
- (ii) Sifat yang dimiliki oleh manusia biasa seperti makan, minum, tidur, berjalan, beristeri, penat, sakit tetapi tidak menjejaskan martabat kenabian merupakan sifat (haram / harus) bagi rasul.
- (iii) Mustahil bagi rasul bersifat (baladah / khianat) apabila diamanahkan kepada baginda.

(3 markah)

(b) Pilih istilah yang betul bagi pernyataan di bawah.

Amanah	Adil	Sidik	Tabligh	Fatanah
--------	------	-------	---------	---------

- (i) Nasihat-menasihati ke arah kebaikan.
Jawapan :
- (ii) Rasul yang sentiasa bercakap benar.
Jawapan :
- (iii) Berfikir secara kreatif dan kritis.
Jawapan :
- (iv) Membentuk sifat jujur dalam diri.
Jawapan :

(4 markah)

(c) (i) Jelaskan **dua** kepentingan mencontohi sifat-sifat wajib bagi rasul.

- 1.
.....
- 2.
.....

(4 markah)

(ii) Cadangkan **dua** cara anda boleh mengamalkan sifat amanah dalam kehidupan sebagai seorang pelajar.

- 1.
.....
- 2.
.....



.....
(4 markah)

Generasi Y yang ada pada masa kini merupakan generasi yang bijak pandai, namun kebijaksanaan itu disalahgunakan dengan menghasilkan idea melakukan penipuan dalam penyelewangan kad kredit.

(d) (i) Pada pandangan anda, mengapakah perkara ini berlaku?

.....
.....
.....
.....
.....
.....

(4 markah)

(ii) Apakah akibat kepada generasi seterusnya sekiranya salah laku ini tidak dibendung?

.....
.....

(2 markah)

(iii) Sebagai seorang murid yang merupakan generasi Z, bagaimanakah cara anda untuk membetulkan situasi di atas dalam kalangan rakan di sekolah?

.....
.....
.....
.....
.....
.....

(4 markah)



UNIT 4 : KESAN BERIMAN KEPADA RASUL

1 (a) Garis jawapan yang betul di dalam kurungan.

- (i) Kepentingan mencontohi para rasul dapat melaksanakan (syariat / akidah) Allah SWT.
- (ii) Sunnah merupakan sumber (pertama / kedua) syariat Islam.
- (iii) Orang yang menolak sunnah rasul dihukumkan (kafir / murtad).

(3 markah)

(b) (i) Antara kesan beriman kepada rasul terhadap keluarga ialah menjadi ahli keluarga yang kuat beribadat. Jelaskan **dua** kesan yang lain.

- 1.
-
- 2.
-

(4 markah)

Beriman kepada rasul ialah satu daripada rukun iman yang wajib dipatuhi oleh setiap muslim.

(ii) Pada pandangan anda, bagaimanakah pernyataan di atas mendorong anda untuk menjadi seorang murid yang cemerlang?

-
-
-
-
-

(4 markah)

Maksud hadis Rasulullah SAW:
”Tidak sempurna iman seseorang itu sehinggalah aku lebih dicintai daripada anaknya bapanya dan semua manusia”.
(Riwayat al-Bukhari)

(c) (i) Berdasarkan maksud hadis di atas, apakah yang akan berlaku sekiranya sesebuah masyarakat gagal beramal dengan tuntutan hadis di atas?



.....

.....

.....

.....

.....

.....

(4 markah)

Pengaruh ajaran sesat seperti ajaran Ustaz Kahar yang mengaku dirinya sebagai rasul semakin menular dalam masyarakat Islam.

- (ii) Sebagai seorang murid, bagaimanakah cara anda untuk mengelakkan diri daripada terpengaruh dengan ajaran di atas?

.....

.....

.....

.....

.....

.....

(4 markah)



UNIT 5 : ISMATUR RASUL

1 (a) Garis jawapan yang betul di dalam kurungan.

- (i) Mukjizat (hissi / maknawi) yang akan diketahui keluarbiasaannya dengan menggunakan kekuatan akal fikiran.
- (ii) Mukjizat nabi (Salleh / Sulaiman) untanya keluar daripada batu.
- (iii) Mukjizat nabi (Yahya / Yunus) terselamat daripada perut ikan nun (paus).
(3 markah)

(b) Pilih istilah yang betul bagi pernyataan di bawah.

Mukjizat	Istidraj	Irhas	Maksum	Maunah
----------	----------	-------	--------	--------

- (i) Rasul terpelihara daripada melakukan maksiat, dosa dan perkara yang boleh menjatuhkan martabat kerasulan.
Jawapan :
- (ii) Perkara luar biasa yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada orang biasa yang beriman sebagai pertolongan Allah SWT kepada mereka.
Jawapan :
- (iii) Perkara luar biasa yang berlaku kepada manusia yang mengingkari Allah SWT.
Jawapan :
- (iv) Perkara luar biasa yang dikurniakan Allah SWT kepada para nabi dan rasul.
Jawapan :
(4 markah)

(c) (i) Apakah maksud Ismatur Rasul?

.....
.....

(2 markah)

(ii) Jelaskan **dua** hikmah rasul bersifat maksum.

- 1.
.....
- 2.
.....

(4 markah)



(iii) Bagaimanakah anda mencontohi sifat maksum rasul?

.....
.....

(2 markah)

(d) (i) Jelaskan **dua** sebab rasul dilantik dalam kalangan manusia.

1.
.....
2.
.....

(4 markah)

Firman Allah SWT yang bermaksud : Katakanlah (wahai Muhammad); "Aku tidak mengatakan kepada kamu (bahawa) perbendaharaan Allah ada di sisiku, dan aku pula tidak mengetahui perkara-perkara yang ghaib; aku juga tidak mengatakan kepada kamu bahawasanya aku ini malaikat, aku tidak menurut melainkan apa yang diwahyukan kepadaku".
(Surah al-anam ayat 50)

(ii) Berdasarkan maksud ayat al-Quran di atas, apakah yang akan berlaku sekiranya manusia menyakini Nabi Muhammad SAW adalah malaikat?

.....
.....
.....
.....
.....
.....

(4 markah)

(e) Jelaskan **dua** tujuan mukjizat diberikan kepada rasul.

1.
.....
2.
.....

(4 markah)



TAJUK 9 : BERIMAN KEPADA HARI AKHIRAT
UNIT 1 : KEMATIAN DAN ALAM BARZAKH SATU KEPASTIAN.

1 (a) Garis jawapan yang betul di dalam kurungan.

- (i) Hukum beriman dengan alam barzakh adalah (harus / wajib).
- (ii) Kehidupan di alam barzakh orang (mukmin / muslim) kuburnya seluas 70 hasta.
- (iii) Kematian bagi seseorang merupakan kiamat (sughra / kubra).

(3 markah)

(b) Pilih istilah yang betul bagi pernyataan di bawah.

Mukmin	Mati	Fasik	Alam barzakh	Munafik
--------	------	-------	--------------	---------

- (i) Perpisahan roh daripada jasad.
Jawapan :
- (ii) Suatu kehidupan di antara kehidupan di dunia dan di akhirat.
Jawapan :
- (iii) Orang yang beriman dengan rukun-rukun iman dan beramal dengan rukun-rukun tersebut.
Jawapan :
- (iv) Orang yang beriman dengan rukun-rukun iman dan tidak beramal dengan rukun-rukun tersebut.
Jawapan :

(4 markah)

(c) (i) Semasa berjalan menuju ke suatu destinasi, anda melihat sebuah tanah perkuburan Islam.
Jelaskan **dua** amalan yang boleh anda lakukan.

- 1.
- 2.

(4 markah)

Pernyataan di bawah merupakan keratan akhbar yang membuktikan keadilan Allah SWT memberi nikmat kepada orang mukmin di alam barzakh.

9 Nov 2013 ... Didapati ada 3 jenazah yang masih elok dan utuh meskipun telah berusia 7 - 11tahun manakala kain kapan jenazah masih kukuh seolah-olah



baru dikapan dan dikebumikan. Kejadian ini berlaku semasa kerja-kerja mengalihkan kubur di Expressway Segamat-Tangkak Kg Batu Badak, Gemereh Segamat

(ii) Mengapakah keadaan ini berlaku?

.....
.....

(2 markah)

(iii) Senaraikan **tiga** nikmat di alam kubur yang diperoleh oleh 3 jenazah di atas.

1.
2.
3.

(3 markah)

(d) (i) Sebagai seorang Islam, apakah persediaan anda bagi menghadapi mati.

.....
.....

(2 markah)

(ii) Mengapakah umat Islam perlu bersedia menghadapi kematian?

.....
.....

(2 markah)

(iii) Jelaskan **dua** hikmah mengingati mati dan alam barzakh terhadap individu.

1.
.....
2.
.....

(4 markah)

(e) Manusia akan berada di alam barzakh sebelum dibangkitkan semula ke alam akhirat. Jelaskan keadaan orang fasik dan munafik semasa berada di alam barzakh.

.....
.....



UNIT 2 : HARI KIAMAT SATU KEBENARAN

1 (a) Garis jawapan yang betul di dalam kurungan.

- (i) Hari Kiamat merupakan rukun (Islam / Iman) yang wajib dipercayai oleh setiap individu muslim.
- (ii) Antara tanda (besar / kecil) kiamat ialah banyak berlaku gempa bumi dan bencana alam.
- (iii) (Tanda besar / Gambaran) kiamat ialah manusia berada dalam keadaan huru-hara dan kebingungan serta mabuk.

(3 markah)

(b) Pilih nama-nama hari kiamat yang betul bagi pernyataan di bawah.

Az-Zalzalalah	Yaumun Nusyur	Yaumud Din	Al-Waqiah	Yaumul Hisab
---------------	---------------	------------	-----------	--------------

- (i) Hari Perhitungan.
Jawapan :
- (ii) Peristiwa yang mesti berlaku.
Jawapan :
- (iii) Goncangan / gegaran.
Jawapan :
- (iv) Hari kembali.
Jawapan :

(4 markah)

(c) Apakah maksud Hari Kiamat?


.....
.....

(2 markah)

(d) Mengapakah Allah SWT merahsiakan masa berlakunya kiamat?

.....
.....

(2 markah)



(e) (i) Senaraikan **dua** tanda kecil kiamat selain banyak berlaku gempa bumi.

1.
2.

(2 markah)

(ii) Senaraikan **dua** tanda besar lain bagi kiamat selain keluarnya Yakjuj dan Makjuj.

1.
2.

(2 markah)

(f) Jelaskan **dua** hikmah Allah SWT mengadakan hari kiamat.

1.
.....
2.
.....

(4 markah)



Selasa, 12 Mei 2015 4:02 PM

KATHMANDU: Gempa bumi berukuran 7.4 skala richter dilaporkan berlaku di Bandar Namche, berdekatan Gunung Everest pada hari Selasa.

(g) Berdasarkan pernyataan di atas, ada yang menggambarkan keadaan tersebut seperti gambaran kiamat.

Huraikan hujah anda, mengapakah mereka berpendapat sedemikian?

.....

.....

.....

.....

.....



(4 markah)

UNIT 3 : PAHALA MENDORONG AMALAN KEBAIKAN
UNIT 4 : DOSA JAMBATAN KE NERAKA

1 (a) Garis jawapan yang betul di dalam kurungan.

- (i) Berzina, derhaka kepada ibu bapa, membunuh merupakan (dosa besar / dosa kecil).
- (ii) Al-Ithmu adalah nama lain bagi (pahala / dosa)
- (iii) Antara langkah menjauhi dosa ialah meningkatkan ilmu (dunia / agama).

(3 markah)

(b) Pilih istilah dan pembahagian dosa yang betul bagi pernyataan di bawah.

Dosa	Dosa Besar	Pahala	Dosa Kecil	Neraka
------	------------	--------	------------	--------

- (i) Ganjaran baik yang disediakan Allah SWT untuk hamba yang mentaati-Nya.
Jawapan :
- (ii) Kesalahan yang diberi amaran oleh Allah dengan azab keras di akhirat dan hukuman tertentu di dunia.
Jawapan :
- (iii) Kesalahan yang tiada amaran yang keras dan tiada hukuman tertentu di dunia.
Jawapan :
- (iv) Balasan buruk yang dijanjikan oleh Allah SWT kepada hambaNya yang tidak mematuhi perintah atau melanggar laranganNya.
Jawapan :

(4 markah)

(c) Jelaskan **dua** hikmah Allah SWT menjanjikan ganjaran pahala.

1.
.....
2.
.....

(4 markah)



(d) Jelaskan **dua** langkah untuk meningkatkan pahala.

1.
.....
2.
.....

(4 markah)

(e) Jelaskan **dua** cara menghapuskan dosa besar.

1.
.....
2.
.....

(4 markah)

(f) Jelaskan **dua** cara anda menjauhi dosa.

1.
.....
2.
.....

(4 markah)

(g) Jelaskan **dua** hikmah Allah SWT mengadakan pembalasan dosa.

1.
.....
2.
.....

(4 markah)

(h) Jelaskan **dua** perbezaan antara dosa dan pahala.

1.
.....
2.
.....

(4 markah)



- (i) Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud : "Bahawasanya setiap insan dicipta badannya dengan tiga ratus enam puluh sendi. Maka sesiapa yang bertakbir, memuji Allah, bertahlil...mencukupi bilangan di atas, maka orang tersebut pada hari itu telah menjauhi dirinya dari neraka."

Berdasarkan maksud hadis di atas, bagaimanakah anda boleh membudayakan amalan ini dalam kehidupan?

.....

.....

.....

.....

.....

.....

(4 markah)



UNIT 5 : PERHIMPUNAN DI MAHSYAR

1 (a) Garis jawapan yang betul di dalam kurungan.

- (i) Orang kafir menanggung pelbagai penderitaan di Mahsyar seperti kepanasan seolah-olah (bulan / matahari) sejengkal di atas kepala.
- (ii) Permohonan Nabi Muhammad SAW ke hadrat Allah SWT untuk dipercepatkan hisab amalan manusia di Mahsyar adalah syafaat (sughra / kubra).
- (iii) Memasukkan orang yang soleh ke dalam Syurga tanpa hisab adalah (syafaat / mukjizat) yang dikurniakan kepada Nabi Muhammad SAW.

(3 markah)

(b) Pilih istilah yang betul bagi pernyataan di bawah.

Asi	Mahsyar	Solehin	Syafaat	Kafir
-----	---------	---------	---------	-------

- (i) Tempat perhimpunan agung bagi seluruh makhluk di akhirat setelah dibangkitkan selepas dihidupkan semula.
Jawapan :
- (ii) Permohonan kepada Allah oleh anbia' dan solehin untuk umat dan orang yang diizinkan Allah SWT.
Jawapan :
- (iii) Orang yang berterusan melakukan perbuatan maksiat.
Jawapan :
- (iv) Orang yang sentiasa mentaati perintah Allah SWT.
Jawapan :

(4 markah)

(c) (i) Mahsyar adalah permulaan kehidupan manusia di alam akhirat. Nyatakan keadaan golongan anbia' aulia' dan solehin semasa berada di Mahsyar.

.....
.....

(2 markah)

(ii) Mahsyar ialah tempat perhimpunan agung bagi seluruh makhluk di akhirat setelah dibangkitkan selepas dihidupkan semula. Jelaskan keadaan golongan kafir semasa berada di Mahsyar.

.....
.....



(2 markah)

(iii) Sebagai seorang Islam, apakah persediaan anda bagi menghadapi keadaan semasa di Mahsyar?

.....
.....
.....
.....
.....
.....

(4 markah)

(d) Jelaskan **dua** hikmah diadakan Mahsyar.

1.
.....
2.
.....

(4 markah)

(e) Nyatakan **dua** syafaat yang dikurniakan kepada Rasulullah.

.....
.....

(2 markah)

(f) Senaraikan **empat** golongan yang diizinkan Allah SWT untuk memberi syafaat selain daripada nabi.

1.
2.
3.
4.

(4 markah)

(g) (i) Senaraikan **tiga** golongan yang layak menerima syafaat selain orang yang berselawat kepada Rasulullah SAW.

1.



- 2.
- 3.

(3 markah)



- (ii) Berdasarkan gambar di atas, bagaimanakah anda boleh membudayakan amalan ini dalam kehidupan?

.....

.....

.....

.....

.....

.....

(4 markah)

- (h) Jelaskan **dua** hikmah Syafaat.

- 1.
- 2.

(4 markah)



UNIT 6 : AL-HISAB PERHITUNGAN YANG ADIL
UNIT 7 : AL-MIZAN NERACA KEADILAN

1 (a) Garis jawapan yang betul berkaitan dengan proses al-Hisab di dalam kurungan berkaitan.

- (i) Allah akan menghitung (sebahagian / semua) yang dilakukan oleh manusia.
- (ii) Semua amalan akan (ditayangkan semula / disembunyikan) oleh Allah SWT pada Hari Akhirat.
- (iii) Setiap manusia akan diberi (surat / buku) catatan amalan.

(3 markah)

(b) Pilih istilah yang betul bagi pernyataan di bawah.

Al-Mizan	Muhasabah	Al-Hisab	As-Sirat
----------	-----------	----------	----------

- (i) Perhitungan amalan manusia di dunia sama ada baik atau jahat.
Jawapan :
- (ii) Penilaian diri terhadap kebaikan dan keburukan dalam semua aspek yang telah dilakukan.
Jawapan :
- (iii) Neraca timbangan untuk menimbang amalan baik dan jahat di akhirat bagi menentukan masuk ke Syurga atau Neraka.
Jawapan :

(3 markah)

(c) (i) Antara perkara yang akan dilalui oleh semua manusia di hari akhirat ialah al-Hisab dan al-Mizan.
Nyatakan hukum beriman dengan kedua-dua perkara di atas.

.....

(2 markah)

(ii) Jelaskan **dua** hikmah diadakan al-Hisab.

- 1.
-
- 2.
-

(4 markah)



(iii) Jelaskan **dua** kepentingan beriman dengan al Hisab dalam kehidupan seseorang.

1.
.....
2.
.....

(4 markah)

(d) (i) Jelaskan **dua** kepentingan beriman dengan al-Mizan.

1.
.....
2.
.....

(4 markah)

(ii) Jelaskan **dua** hikmah beriman kepada al-Mizan.

1.
.....
2.
.....

(4 markah)

(iii) Jelaskan **dua** perbezaan antara pertimbangan Allah SWT (al-Mizan) di akhirat dan pertimbangan manusia di dunia.

1.
.....
2.
.....

(4 markah)

(iv) Beriman kepada al-Mizan merupakan satu daripada proses yang akan dialami oleh semua manusia di Padang Mahsyar.
Pada pendapat anda, bagaimanakah pernyataan di atas mendorong umat Islam menjadi seorang yang berakhlak mulia.

.....



.....

.....

.....

.....

.....

(4 markah)

(e) Jelaskan hubungan al-Mizan dengan al-Hisab.

1.

.....

2.

.....

(4 markah)



UNIT 8 : TITIAN AS-SIRAT

1 (a) Garis jawapan yang betul di dalam kurungan.

- (i) Orang beriman meniti as-sirat dengan cepat dan pantas seperti (guruh / kilat), angin, kuda berlari dan berjalan kaki.
- (ii) Kepentingan beriman dengan as-sirat ialah melengkapkan kepercayaan kepada rukun (Iman / Islam).
- (iii) Meningkatkan keimanan kepada (Allah / Rasul) adalah antara hikmah beriman dengan as-Sirat:

(3 markah)

(b) Pilih istilah yang betul bagi pernyataan di bawah.

As-Sirat	Orang Kafir	Orang Munafik	Orang Beriman
----------	-------------	---------------	---------------

- (i) Orang yang tidak mempercayai rukun iman.
Jawapan :
- (ii) Titian yang merentang Neraka menuju ke Syurga.
Jawapan :
- (iii) Orang yang mempercayai dan beramal dengan rukun iman.
Jawapan :

(3 markah)

(c) (i) As-Sirat adalah penentu ke mana manusia di alam akhirat sama ada Syurga atau Neraka.
Jelaskan keadaan orang beriman semasa melintasi as-Sirat.

.....

.....

.....

(2 markah)

(ii) Sebagai seorang Islam apakah persediaan anda bagi menghadapi keadaan semasa melintasi as-sirat?

.....

.....

.....

.....

.....



.....
(4 markah)

- (iii) Assirat digambarkan oleh Rasulullah SAW satu titian yang lebih halus daripada rambut dan lebih tajam daripada pedang dan terletak di atas neraka. Namun segelintir masyarakat Islam masih leka dengan perkara maksiat tanpa mempedulikan pesanan Rasulullah SAW. Kemukakan pendapat anda mengapa situasi di atas berlaku?

.....
.....
.....
.....
.....
.....

(4 markah)



UNIT 9 : SYURGA GANJARAN KEBAIKAN

- 1 (a) Garis jawapan yang betul di dalam kurungan mengenai ketinggian nikmat Syurga.
- (i) Mahligai yang indah daripada emas dan (gangsa / perak).
 - (ii) Pelayan yang dipanggil "Wildan" yang terdiri daripada remaja-remaja (lelaki / perempuan) sentiasa melayan penghuni Syurga.
 - (iii) Dapat melihat wajah (Allah SWT / Rasulullah SAW) yang merupakan nikmat yang paling besar kepada penghuni Syurga.
- (3 markah)

(b) Pilih istilah dan nama-nama Syurga yang betul bagi pernyataan di bawah.

Darul Khulud	Darus Salam	Syurga	Jannatul Makwa	Jannatul Firdaus
--------------	-------------	--------	----------------	------------------

- (i) Tempat yang kekal. Jawapan :
 - (ii) Tempat berteduh. Jawapan :
 - (iii) Tempat yang dipenuhi dengan nikmat yang disediakan oleh Allah SWT untuk hamba-hambanya yang beriman dan beramal soleh.
Jawapan :
 - (iv) Tempat yang selamat. Jawapan :
(4 markah)
- (c) (i) Senaraikan **empat** amalan harian yang membolehkan anda layak untuk masuk ke dalam syurga.
1.
 2.
 3.
 4.
- (4 markah)
- (ii) Nyatakan **dua** syarat amalan harian yang dilakukan dalam nombor (c) (i) diterima oleh Allah SWT.
1.
 2.
- (2 markah)



(d) (i) Nabi Muhammad SAW dipertontonkan syurga semasa peristiwa Israk Mikraj. Jelaskan **dua** bukti kewujudan syurga yang lain.

1.
.....
2.
.....

(4 markah)

(ii) Jelaskan **dua** hikmah Allah SWT mengadakan Syurga.

1.
.....
2.
.....

(4 markah)

Maksud hadis Rasulullah SAW:

Daripada Abu Hurairah r.a berkata: Ya Rasulullah dari apakah dibuat syurga itu?
Jawabnya: Dari Air. Kami bertanya: Beritakan tentang bangunan syurga! Jawab baginda yang bermaksud: Satu bata dari emas dan satu bata dari perak dan lantainya kasturi yang semerbak harum ...

(e) Pada pandangan anda, bagaimanakah maksud hadis di atas mendorong anda untuk menjadi seorang daripada penghuni syurga.

-
.....
.....
.....
.....
.....

(4 markah)



UNIT 10 : NERAKA BALASAN KEJAHATAN

1 (a) Garis jawapan yang betul di dalam kurungan mengenai keperitan azab Neraka.

- (i) Api Neraka berwarna (merah / hitam) pekat kerana terlalu panas.
- (ii) Wajah penghuni Neraka cacat dan hodoh, kulitnya hangus kemudian diganti dengan kulit (baru / lama) supaya bertambah azab .
- (iii) Minumannya ialah air danur, kotoran darah dan (lendir / nanah) yang panas menggelegak dan menghancurkan isi perut.

(3 markah)

(b) Pilih istilah dan nama-nama Neraka yang betul bagi pernyataan di bawah.

Jahannam	Hutomah	Jahim	Neraka	Saqar
----------	---------	-------	--------	-------

- (i) Tempat balasan seksa yang kekal abadi selepas mati.
Jawapan :
- (ii) Api yang dinyalakan. Jawapan :
- (iii) Tempat balasan seksa yang disediakan Allah SWT kepada orang kafir dan orang Islam yang melakukan dosa.
Jawapan :
- (iv) Api yang membakar kulit. Jawapan :

(4 markah)

(c) (i) Jelaskan **dua** kepentingan beriman kepada neraka.


1.
.....
2.
.....

(4 markah)

(ii) Jelaskan **dua** bukti kewujudan neraka.

1.
.....
2.
.....

(4 markah)



(d) (i) Jelaskan **dua** hikmah Allah SWT mengadakan Neraka.

- 1.
- 2.

(4 markah)

(ii) Jelaskan **dua** kesan beriman kepada Neraka.

- 1.
- 2.

(4 markah)

(iii) Beriman kepada neraka di alam akhirat ialah satu daripada rukun iman yang wajib dipatuhi oleh setiap muslim untuk mengelakkan balasan dosa. Bagaimanakah anda menghindari amalan yang menjurus kepada dosa.

-
-

(2 markah)

Maksud hadis Rasulullah SAW:
“Aku melihat ke dalam Syurga maka aku melihat kebanyakan penghuninya adalah fuqara’ (orang-orang fakir) dan aku melihat ke dalam Neraka maka aku menyaksikan kebanyakan penghuninya adalah wanita.”
(Hadis Riwayat Al- Bukhari dan Muslim)

(e) Berdasarkan maksud hadis di atas, kemukakan pandangan anda mengapakah Rasulullah SAW bersabda sedemikian?

-
-
-
-
-

(4 markah)



UNIT 11 : PERSEDIAAN MENGHADAPI HARI AKHIRAT

1 (a) Garis jawapan yang betul di dalam kurungan berkaitan contoh amar makruf dan nahi mungkar di sekolah.

- (i) Menghindarkan diri daripada merokok dan melepak (amar makruf / nahi mungkar).
- (ii) Melaporkan kepada guru sekiranya berlaku pergaduhan dan peras ugut (amar makruf / nahi mungkar).
- (iii) Menjaga kebersihan sekolah (amar makruf / nahi mungkar).
- (iv) Membantu guru dan rakan yang memerlukan bantuan (amar makruf / nahi mungkar).

(4 markah)

(b) Pilih istilah yang betul bagi pernyataan di bawah.

Amar makruf	Hari Akhirat	Sedekah	Jihad	Nahi Mungkar
-------------	--------------	---------	-------	--------------

- (i) Mencegah melakukan perkara yang dilarang.
Jawapan :
- (ii) Memberi bantuan sama ada berbentuk kebendaan atau perkhidmatan.
Jawapan :
- (iii) Menyuruh melakukan perkara yang baik. Jawapan :
- (iv) Berjaya meningkatkan potensi diri dan berjaya mengatasi tipu daya syaitan.
Jawapan :

(4 markah)

(c) Jelaskan **dua** kepentingan membuat persediaan menghadapi Hari Akhirat.

- 1.
- 2.

(4 markah)

(d) Jelaskan **dua** faktor untuk mencapai kejayaan di dunia dan di akhirat.

- 1.



2.
.....

(4 markah)

(e) Senaraikan **dua** amalan soleh sebagai bekalan menghadapi hari akhirat.

1.
2.

(2 markah)

(f) Maksud hadis Rasulullah SAW:

“Bekerjalah kamu seolah-olah kamu hidup selama-lamanya dan beramal ibadatlah kamu seolah-olah kamu mati esok hari”

Berdasarkan maksud hadis di atas, kemukakan pandangan anda mengapakah manusia lebih mengutamakan kemewahan hidup di dunia berbanding di akhirat?

.....
.....
.....
.....
.....
.....

(4 markah)



UNIT 12 : KESAN BERIMAN PADA HARI AKHIRAT

1 (a) Jelaskan **dua** kesan beriman kepada hari Akhirat .

- 1.
.....
- 2.
.....

(4 markah)

(b) Senaraikan **empat** ciri orang yang beriman kepada Hari Akhirat.

- 1.
- 2.
- 3.
- 4.

(4 markah)

(c) Jelaskan **dua** langkah yang perlu dilakukan bagi meningkat keimanan kepada Hari Akhirat.

- 1.
.....
- 2.
.....

(4 markah)

(d) Beriman kepada hari akhirat akan melahirkan masyarakat yang harmoni dan sejahtera. Pada pendapat anda, bagaimanakah beriman kepada hari akhirat dapat mewujudkan masyarakat yang sejahtera?

-
-
-
-
-
-

(4 markah)



TAJUK 3 : BERIMAN PADA QADAK DAN QADAR

1 (a) Garis jawapan yang betul di dalam kurungan.

- (i) Jantina, ajal dan maut merupakan contoh (Qadak Mubram / Qadak Muallaq).
- (ii) Kekayaan, kejayaan dan kegagalan seseorang merupakan contoh (Qadak Mubram / Qadak Muallaq).
- (iii) Menunaikan solat, belajar merupakan contoh (Af'alul Ikhtirariyah / Af'alul Idirariyah).
- (iv) Menggigil kerana demam merupakan contoh (Af'alul Ikhtirariyah / Af'alul Idirariyah).

(4 markah)

(b) Pilih istilah yang betul bagi pernyataan di bawah.

Tawakal	Qadak	Ikhtiar	Af'alul Ibad	Qadar
---------	-------	---------	--------------	-------

- (i) Ketentuan Allah SWT yang azali terhadap semua makhluk.
Jawapan :
- (ii) Berserah kepada Allah SWT setelah berusaha dan berikhtiar dengan bersungguh-sungguh. Jawapan :
- (iii) Pelaksanaan sesuatu perkara mengikut ketentuan Allah SWT yang azali.
Jawapan :
- (iv) Usaha manusia untuk melakukan sesuatu mengikut kehendaknya bagi mencapai matlamat.
Jawapan :

(4 markah)

(c) Huraikan **dua** hujah untuk menolak fahaman salah terhadap Qadak dan Qadar.

- 1.
- 2.

(4 markah)



(d) Jelaskan **dua** hikmah beriman kepada Qadak dan Qadar.

1.
.....
2.
.....

(4 markah)

(e) Jelaskan **dua** usaha yang perlu dilakukan sekiranya sesuatu yang anda lakukan menemui kegagalan.

1.
.....
2.
.....

(4 markah)

(f) Terangkan hikmah bertawakal kepada Allah SWT.

1.
.....
2.
.....

(4 markah)

(g) Jelaskan **dua** akibat tidak menghayati tuntutan Qadak dan Qadar.

1.
.....
2.
.....

(4 markah)



(h)

Azizul baru saja menerima keputusan peperiksaannya yang tidak memuaskan, beliau begitu kecewa dengan keputusan tersebut kerana merasakan telah memberi jawapan yang terbaik bagi setiap soalan yang dijawab. Anda turut simpati dengan situasi Azizul.

Sebagai rakan baiknya, apakah nasihat yang perlu anda berikan supaya Azizul boleh terus berusaha untuk menempa kejayaan yang lebih cemerlang.

.....

.....

.....

.....

.....

.....


(4 markah)



BPI

MODUL PENDIDIKAN ISLAM

TINGKATAN 3 {2015}






BPI

MODUL PENDIDIKAN ISLAM

TINGKATAN 3 {2015}






BPI

MODUL PENDIDIKAN ISLAM

TINGKATAN 3 {2015}






BPI

MODUL PENDIDIKAN ISLAM

TINGKATAN 3 {2015}





BPI

MODUL PENDIDIKAN ISLAM

TINGKATAN 3 {2015}

